

19 OCT 2000
ASEM-SEKRETARIAT
ASEM AKAN PUNYA SEKRETARIAT?

Oleh: E. Sivabalan

SEOUL, 19 Okt (Bernama) -- Apabila ketua-ketua negara Asia dan Eropah mengadakan pertemuan untuk pertama kalinya di bawah lambang kemegahan Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Bangkok pada tahun 1996, tiada sesiapa pun yang terlintas yang forum berusia lima tahun itu satu hari nanti akan mempunyai Sekretariatnya sendiri.

Mewujudkan sebuah Sekretariat Asem ialah antara 22 cadangan daripada sembilan cadangan utama yang terkandung di dalam Laporan Kumpulan Wawasan Asia-Eropah yang akan dibincangkan pada mesyuarat ketiga Asem yang akan bermula di sini esok.

Laporan itu juga memasukkan wawasan untuk hubungan Asia-Eropah ke dalam abad 21.

Pejabat untuk Asem ketiga yang mengeluarkan dokumen mengandungi cadangan kepada media di sini menjelang sidang kemuncak itu bagaimanapun tidak memberi ulasan terperinci mengenai "Sekretariat Asem" berkenaan.

Pegawai-pegawai Asem juga enggan memberi sebarang ulasan mengenai perkara ini, sambil mengatakan yang perkara itu akan dibincangkan oleh ketua-ketua yang menghadiri sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka tiba lewat hari ini.

Asem dianggotai oleh tujuh daripada 10 anggota Asean iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. Tiga anggota Asean yang lain iaitu Kemboja, Laos dan Myanmar bukan sebahagian daripada Asem.

Lain-lain anggota Asia ialah China, Jepun dan Korea Selatan sementara untuk Eropah pula, ianya terdiri daripada Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxemburg, Belanda, Portugal, Sepanyol, Sweden, United Kingdom dan Suruhanjaya Eropah.

Asem merupakan forum untuk negara-negara di Asia dan Eropah untuk mempromosikan ekonomi, politik dan kerjasama budaya.

Asem muncul hasil daripada idea yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong dalam tahun 1994 yang menyedari perlunya mengukuhkan hubungan Asia-Eropah.

Sementara perhubungan Trans-Pasifik lebih kukuh menerusi Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) dan hubungan Trans-Atlantik menerusi negara-negara maju Kumpulan Tujuh, hubungan Asia dan Eropah pula masih lagi belum dimajukan pada potensi yang sebenar-benarnya.

Dari mula lagi, motivasi Asem yang utama ialah ekonomi.

Kepentingan kedua-dua rantau dalam ekonomi global kian meningkat; Asia dan Eropah, secara bersama menyumbangkan 54.4 peratus kepada keluaran dalam negara kasar dunia dan 35.4 peratus untuk dagangan global.

Mesyuarat pertama di Bangkok menjadi tempat di mana negara-negara Eropah dan Asia Timur mengukir sejarah untuk membentuk satu rangka kerja baru sebagai rakan yang sama taraf.

Di Bangkoklah, ketua-ketua negara membentuk tiga tunggak kepada proses Asem iaitu menjalin hubungan politik dan dialog keselamatan, mengukuhkan kerjasama politik dan meningkatkan pertukaran budaya-sosio.

Di sidang kemuncak London Summit 1998, beberapa langkah telah diperkenalkan untuk membanteras krisis ekonomi dan kewangan yang melingkari Asia pada masa itu.

Selain daripada sekretariat, lain-lain cadangan ialah menganjurkan Minggu Perdagangan Asia-Eropah, bandar-bandar berkembar Asem dan festival

budaya Asem sekali dalam dua tahun.

Asem keempat akan diadakan di Copenhagen pada separuh tahun kedua 2002.

-- BERNAMA

ES MR AA